



SOALAN LAZIM (FAQ)

BERKAITAN PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN

BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SELURUH NEGARA

Pembukaan Sekolah

- 1. Adakah semua murid di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)/Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) perlu hadir ke sekolah apabila sekolah dibuka pada 20 Januari 2021?**

Hanya murid yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) tahun 2020 serta peperiksaan antarabangsa yang setara akan hadir ke sekolah bagi mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka.

Semua murid sekolah rendah dan murid kelas peralihan hingga Tingkatan 5 di sekolah menengah akan mengikuti pembelajaran melalui kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

- 2. Adakah semua calon yang akan menduduki peperiksaan SVM, SKM dan DVM akan hadir secara bersemuka mulai 20 Januari 2021?**

Hanya calon peperiksaan SVM Semester 4, DVM Semester 4 dan SKM Tahun 2 sahaja yang akan mengikuti pengajian secara bersemuka mulai 20 Januari 2021.

- 3. Adakah murid kelas peperiksaan yang tinggal di luar kawasan PKP boleh hadir ke sekolah yang berada di kawasan PKP atau sebaliknya?**

Ya. Surat kebenaran khas akan dikeluarkan oleh pihak sekolah kepada murid bagi membolehkan mereka merentas negeri atau daerah untuk hadir ke sekolah.

- 4. Adakah ibu bapa/penjaga dibenarkan untuk menghantar dan mengambil anak/anak jagaan di sekolah?**

Ya.

- 5. Adakah ujian Pengesanan Literasi Bahasa Melayu bagi murid yang membuat rayuan pengecualian kelas peralihan pada 21 Januari 2021 akan diteruskan?**

Tidak. Ujian Pengesanan Literasi Bahasa Melayu akan diadakan pada 3 Februari 2021.

- 6. Bilakah KPM akan mengumumkan pembukaan semula sekolah bagi murid yang mengikuti PdPR?**

Keputusan pembukaan semula sekolah akan dimaklumkan sekurang-kurangnya seminggu sebelum sekolah dibuka.

Peperiksaan percubaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM), Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam

- 7. Adakah sekolah yang belum melaksanakan peperiksaan percubaan SPM 2020 perlu mengadakan peperiksaan tersebut apabila sekolah dibuka?**

Tidak.

- 8. Adakah murid yang tidak menduduki peperiksaan percubaan SPM 2020 akan terjejas peluang ke IPTA?**

Tidak. KPM telah mengadakan perbincangan dengan Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan peluang murid untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA tidak terjejas.

- 9. Adakah pentaksiran pusat dan peperiksaan SPM/SVM/SKM/STAM/STPM/DVM tahun 2020 serta peperiksaan antarabangsa yang setara akan diteruskan?**

Ya.

- 10. Adakah semua calon perlu menduduki *Malaysian University English Test (MUET)* Tahun 2020 yang tertangguh?**

Ya. Calon boleh merujuk jadual MUET di laman sesawang Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di pautan: www.mpm.edu.my.

Kemasukan Murid ke Asrama

- 11. Adakah murid Tingkatan 1, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 serta murid SVM Semester 2 dan DVM Semester 2 yang telah pulang ke asrama boleh kekal berada di asrama masing-masing?**

Ya. Murid boleh kekal berada di asrama dan mengikuti PdPR di sekolah atau mereka boleh pulang ke rumah dan mengikuti pembelajaran secara PdPR.

- 12. Adakah ibu/bapa/penjaga dibenarkan mengambil anak/anak jagaan yang bukan dalam kelas peperiksaan tahun 2020 yang telah dihantar ke asrama untuk pulang ke rumah?**

Ya, pada bila-bila masa yang sesuai dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

- 13. Adakah ibu bapa/penjaga dibenarkan melawat anak/anak jagaan di asrama yang berada di kawasan PKP/PKPB/PKPP?**

Tidak. Walau bagaimanapun, murid kelas peperiksaan 2020 dibenarkan menggunakan medium komunikasi yang sesuai termasuk telefon bimbit untuk berhubung dengan ibu bapa/penjaga.

- 14. Adakah murid asrama di kawasan PKP/PKPB/PKPP dibenarkan keluar (outing) atau pulang bermalam?**

Tidak.

Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

15. Bagaimanakah PdP dilaksanakan bagi murid yang tidak dapat hadir untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka di sekolah?

Murid perlu mengikuti PdPR mengikut kesesuaian dan kesediaan guru dan murid. Guru boleh merujuk Manual PdPR yang boleh dimuat turun di portal rasmi KPM www.moe.gov.my.

16. Bagaimanakah pelaksanaan PdP bagi murid SVM Semester 2 dan DVM Semester 2 di Kolej Vokasional?

Murid perlu mengikuti PdPR mengikut kesesuaian dan kesediaan guru serta murid. Guru boleh merujuk Manual PdPR yang boleh dimuat turun di portal rasmi KPM www.moe.gov.my.

17. Bagaimanakah murid Tingkatan 4 memilih pakej mata pelajaran elektif?

Pihak sekolah perlu memaklumkan kepada murid pakej mata pelajaran di menengah atas yang ditawarkan di sekolah selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9 Tahun 2016 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6 Tahun 2019 dengan menggunakan medium yang sesuai. Murid boleh memohon pakej mata pelajaran di menengah atas berdasarkan kecenderungan dan minat. Penawaran kepada murid adalah berdasarkan keputusan peperiksaan yang lalu, pentaksiran bilik darjah, ujian psikometrik serta pertimbangan profesional guru mata pelajaran di tingkatan 3. Pihak sekolah akan memaklumkan keputusan dan murid boleh merayu untuk menukar pilihan pakej mata pelajaran.

18. Bagaimanakah murid Tingkatan 4 mengikuti PdPR apabila sekolah dibuka pada 20 Januari 2021?

Murid Tingkatan 4 akan mengikuti PdPR mata pelajaran teras sehingga pemilihan pakej mata pelajaran ditentukan oleh pihak sekolah.

19. Bagaimanakah murid Tahun 1 boleh mengakses portal DELIMa bagi melaksanakan PdPR?

Murid boleh mengakses Portal DELIMa menggunakan ID pengguna dan kata laluan DELIMa yang diberikan oleh pihak sekolah.

20. Bagaimanakah murid boleh memperoleh jadual rancangan TV Pendidikan?

Jadual rancangan TV Pendidikan boleh diperoleh melalui portal rasmi KPM dan platform media sosial KPM seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter @KemPendidikan*.

Pelaksanaan Aktiviti Sukan Dan Kokurikulum

21. Adakah aktiviti sukan dan kokurikulum boleh dilaksanakan secara bersemuka di sekolah?

Tidak. Walau bagaimanapun aktiviti secara dalam talian dibenarkan.

Pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)

22. Bilakah murid Tingkatan 5 tahun 2020 perlu memulangkan buku teks?

Selepas murid selesai menduduki peperiksaan SPM.

23. Adakah murid Tingkatan 5 tahun 2021 akan menggunakan buku teks yang sama dengan murid Tingkatan 5 tahun 2020?

Tidak. Murid akan dibekalkan dengan buku teks Tingkatan 5 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi kegunaan tahun 2021.

24. Bilakah murid, selain murid Tingkatan 5 tahun 2020, perlu memulangkan buku teks dan mengambil buku teks baharu?

Pemulangan dan agihan buku teks akan dilaksanakan berdasarkan jadual pemulangan dan agihan secara berperingkat yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Ibu/bapa/penjaga boleh datang ke sekolah untuk memulang dan mengambil buku teks dengan mematuhi garis panduan serta prosedur operasi standard perintah kawalan pergerakan. Surat kebenaran khas akan dikeluarkan oleh pihak sekolah bagi membolehkan Ibu/bapa/penjaga merentas negeri atau daerah untuk hadir ke sekolah bagi tujuan pemulangan dan pengambilan buku teks.

25. Bagaimanakah murid boleh mendapatkan buku teks digital?

Murid boleh memuat turun buku teks digital melalui portal DELIMA di pautan: www.moe-dl.edu.my, atau guru boleh membantu memuat turun buku teks digital, mencetak serta mengedar mengikut tajuk yang diperlukan sahaja.

Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK)

26. Adakah PKSK akan dilaksanakan sepertimana yang telah dijadualkan?

Ya. Calon berdaftar yang belum menduduki Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) akan mengikuti pentaksiran ini antara

20 hingga 29 Januari 2021 bagi kemasukan ke Tingkatan 1. Sementara itu, pentaksiran bagi kemasukan ke Tingkatan 4 pula akan diadakan di antara 15 hingga 25 Februari 2021. Surat kebenaran khas akan dikeluarkan oleh KPM bagi membolehkan calon merentas negeri atau daerah untuk hadir ke pusat pentaksiran yang ditetapkan.

27. Apakah yang perlu dilakukan oleh calon sebelum menduduki PKSK?

Semua calon hendaklah mencetak slip menduduki PKSK dan surat kebenaran khas menghadiri PKSK di pautan berikut;

- i. <https://spskt1.moe.gov.my> (Tingkatan Satu); atau
- ii. <https://spskt4.moe.gov.my> (Tingkatan Empat).

28. Adakah calon bergejala dibenarkan menduduki PKSK?

Tidak. Ibu bapa/penjaga perlu mendapatkan pengesahan daripada Pegawai Perubatan Bertauliah dan memaklumkan kepada Ketua Pusat Pentaksiran. Tarikh baharu untuk calon menduduki PKSK akan dimaklumkan kemudian.

29. Adakah calon yang dikuarantin dibenarkan menduduki PKSK?

Tidak. Walau bagaimanapun, calon dibenarkan menduduki PKSK selepas tamat tempoh kuarantin. Tarikh baharu untuk calon menduduki PKSK akan dimaklumkan kemudian.

30. Adakah calon yang positif COVID-19 dan dirawat di hospital boleh menduduki PKSK?

Tidak. Walau bagaimanapun, calon dibenarkan menduduki PKSK selepas discaj. Tarikh baharu untuk calon menduduki PKSK akan dimaklumkan kemudian.

Guru dan Anggota Perkhidmatan Bukan Guru

31. Bilakah guru perlu berada di stesen tempat bertugas?

Guru perlu berada di stesen tempat bertugas sebelum 20 Januari 2021.

32. Adakah guru perlu hadir bertugas di sekolah yang berada dalam kawasan PKP?

Kehadiran guru ke sekolah adalah seperti berikut:

- i. guru terlibat dengan kelas peperiksaan SPM/SVM/SKM/STPM/STAM/DVM tahun 2020 dan peperiksaan antarabangsa yang setara;
- ii. guru terlibat dengan pengurusan peperiksaan; dan
- iii. guru lain yang diarahkan hadir bertugas oleh Ketua Jabatan.

33. Adakah guru yang tinggal di kawasan PKPB/PKPP boleh hadir bertugas di sekolah yang berada di kawasan PKP atau sebaliknya?

Ya. Surat kebenaran khas akan dikeluarkan oleh sekolah bagi membolehkan guru merentas negeri atau daerah untuk hadir bertugas. Namun, Ketua Jabatan perlu memastikan kehadiran adalah pada tahap minimum dengan tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan.

34. Selain daripada guru, siapakah yang perlu hadir ke sekolah sepanjang tempoh PKP/PKPB/PKPP?

- i. Anggota Perkhidmatan Bukan Guru atas keperluan perkhidmatan dan arahan Ketua Jabatan;
- ii. Pekerja perkhidmatan perlu (essential services) iaitu, pekerja pembersihan, pengawal keselamatan dan pekerja dewan makan; dan
- iii. Warden dan penyelia asrama.

Ketua Jabatan perlu memastikan kehadiran adalah pada tahap minimum dengan tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan.

Pengoperasian Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi

35. Adakah pelajar IPG yang telah berada di asrama kampus dalam kawasan PKP/PKPB/PKPP perlu kekal di asrama kampus masing-masing?

Ya.

36. Bagaimanakah pelaksanaan PdP dan pentaksiran di IPG?

PdP bagi semua program pengajian akan dilaksana secara dalam talian mulai 17 Januari 2021 bagi negeri Kumpulan A dan 18 Januari 2021 bagi negeri Kumpulan B.

37. Bagaimanakah praktikum dan *internship* bagi pelajar IPG di kawasan PKP akan dilaksanakan?

Perincian berkaitan praktikum dan *internship* IPG akan dimaklumkan kelak.

38. Adakah pelajar yang telah berada di Kolej Matrikulasi perlu kekal di kolej masing-masing?

Ya.

39. Bagaimanakah pelaksanaan PdP di Kolej Matrikulasi?

PdP dilaksanakan secara hibrid di Kolej Matrikulasi masing-masing.

40. Adakah pelajar Kolej Matrikulasi/IPG dibenarkan keluar (outing) atau pulang bermalam?

Tidak.

41. Adakah ibu bapa/penjaga dibenarkan melawat pelajar Kolej Matrikulasi/IPG yang tinggal di asrama?

Tidak.

42. Adakah pensyarah perlu hadir ke Kolej Matrikulasi/IPG sepanjang tempoh PKP/PKPB/PKPP?

Ketua Jabatan boleh mengarahkan pensyarah hadir bertugas di Kolej Matrikulasi/IPG mengikut keperluan.

43. Adakah pensyarah Kolej Matrikulasi/IPG yang tinggal di kawasan PKPB/PKPP boleh hadir bertugas di Kolej Matrikulasi/IPG yang berada di kawasan PKP atau sebaliknya?

Ya. Surat kebenaran khas akan dikeluarkan oleh Kolej Matrikulasi/IPG bagi membolehkan pensyarah merentas negeri atau daerah untuk hadir bertugas. Namun, Ketua Jabatan perlu memastikan kehadiran adalah pada tahap minimum dengan tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan.

Pengoperasian Institusi Pendidikan Swasta (IPS)

- 44. Adakah tadika swasta dan pusat perkembangan minda di kawasan PKP/PKPB/PKPP dibenarkan beroperasi?**

Ya.

- 45. Adakah semua IPS kategori sekolah di kawasan PKP/PKPB/PKPP dibuka untuk pembelajaran secara bersemuka?**

Tidak. Hanya kelas yang melibatkan murid yang akan menduduki peperiksaan SPM/STPM/STAM tahun 2020 serta peperiksaan antarabangsa yang setara dibenarkan beroperasi secara bersemuka.

- 46. Adakah pusat tuisyen, pusat bahasa, pusat kemahiran dan pusat latihan di kawasan PKP dibuka untuk pembelajaran secara bersemuka?**

Tidak.

- 47. Adakah IPS yang dibenarkan melaksana pembelajaran secara bersemuka perlu mengeluarkan surat kebenaran pergerakan kepada murid/guru/pekerja untuk hadir ke IPS?**

Ya.

Pengoperasian Pusat Anak GENIUS Negara (PAGN) dan Pusat GENIUS Kurnia (PGK)

48. Adakah PAGN dan PGK di kawasan PKP/PKPB/PKPP akan beroperasi?

Ya. Walau bagaimanapun, pengoperasian adalah berdasarkan kapasiti yang dibenarkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Keutamaan diberikan kepada ibu bapa/penjaga yang kedua-duanya bekerja.

-TAMAT -